

Hukum pemilik kenderaan

Kuala Lumpur: Pelaksanaan Op Didik di sekolah akan dilakukan secara berterusan sebagai pendekatan kepada remaja terutama pelajar mengenai pentingnya keselamatan di jalan raya.

Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Kuala Lumpur Asisten Komisioner Mohd Nadzri Hussain berkata, pihaknya akan memeriksa pelajar yang menunggang motosikal menerusi Op Didik.

"Tindakan itu dibuat bagi memastikan penunggang memiliki lesen atau tidak, selain dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa yang memberi kebenaran menggunakan motosikal berkenaan.

"Bukan individu yang tidak memiliki lesen saja dikenakan tindakan, malah pemilik kenderaan juga akan diambil tindakan undang-undang kerana membenarkan kenderaan mereka digunakan individu tidak memiliki lesen," katanya.

Beliau mengulas laporan muka depan Harian Metro

'MINAH CELARU'

Usianya baru 14 tahun namun mengakui sudah dinoda lebih 10 kali. Selain itu, ada gadis Keciciran sekolah, berlatarbelakangkan keluarga berantakan dan sanggup bersekutu dengan demikian cinta pada si buah hati. Ikuti pengalaman wartawan Noboroh Komoi mendekati remaja perempuan bermasalah dengan mengikuti operasi Unit Risikan Operasi (Skuad 42) Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Kuala Lumpur, selama tiga bulan. > 10&11

LAPORAN Harian Metro, semalam.

bertajuk Minah Celaru yang mengisahkan operasi Unit Risikan Operasi (Skuad 42) JSPT selama tiga bulan terhadap mat rempit yang turut membabitkan remaja perempuan.

Beliau berkata, operasi bagi membanteras gejala mat rempit dan lumba haram dilakukan setiap hari secara berterusan walau pun sejak tiga tahun kebelakangan ini, statistik mat rempit semakin menurun berikutan operasi yang kerap dijalankan seperti Op Khas Motosikal.

"Kami akan memanggil

ibu bapa jika ia membabitkan kes bawah umur sebelum diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi lanjutan kes untuk tindakan mahkamah.

"Susulan itu, ibu bapa perlu sentiasa memantau anak supaya tidak menunggang motosikal tanpa memiliki lesen sah," katanya.

Sementara itu, Pakar Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Madya Dr Siti Aishah Hassan berkata, ibu bapa berperanan penting dalam memastikan tingkah laku anak